

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SPU 303 -Pentadbiran Pembangunan

Tarikh : 13 April 1988

Masa : 2.15 ptg - 5.15 ptg
[3 jam]

Jawab **EMPAT** soalan; **DUA** daripada Bahagian A dan **DUA** daripada Bahagian B.

Bahagian A (Jawab **DUA** soalan)

1. Banding dan bezakan matlamat-matlamat politik, sosial dan ekonomi Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, dengan sekurang-kurangnya **DUA** rancangan-rancangan pembangunan sebelumnya. Apakah perbezaan-perbezaan matlamat mustahak dapat anda kenalpasti? Kenapa ianya mustahak?
2. Dengan menggunakan kes Dasar Ekonomi Baru sebagai rujukan utama, bincangkan sebab-sebab penubuhan dan perkembangan perusahaan awam di Malaysia. Cuba bayangkan kedudukan dan perkembangan perusahaan-perusahaan awam selepas 1990.
3. Pada pandangan anda, apakah **TIGA** syarat-syarat penting kejayaan perlaksanaan reformasi pentadbiran bagi memperbaiki usaha-usaha pembangunan negara di Malaysia. Bincangkan beberapa strategi perlaksanaan reformasi pentadbiran.
4. Ness (1967) menghujah bahawa sejak kemerdekaan, matlamat-matlamat kerajaan Malaysia (Malaya) secara resmi dan hakikinya telah bertukar dari tujuan "mengawal dan menjamin ketenteraman awam" kepada tujuan "pembangunan negara". Bincangkan hujah Ness dengan menggunakan contoh-contoh spesifik yang boleh diperolehi dari Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua.

...2/-

Bahagian B (Jawab DUA soalan)

1. Bandingkan pendapat dan hujah-hujah Alavi dan Shamsul berkaitan dengan perhubungan di antara pentadbir, ahli politik dan kapitalis.
2. "Pentadbiran cara birokratik tidak sesuai untuk negara-negara membangun."
Apakah ciri-ciri terpenting pentadbiran cara birokratik yang dikatakan tidak sesuai untuk negara-negara membangun dan nyatakan pendirian anda berkaitan dengan isu ini?
3. Menggunakan rangka penganalisaan David Easton, didapati pentadbir terlibat di ketiga-tiga tahap proses politik. Bincangkan corak penglibatan pentadbir di tiap-tiap tahap proses politik tersebut dan kesannya ke atas sistem politik keseluruhannya.
4. B.B. Schaffer mendefinisikan pentadbiran pembangunan sebagai pentadbiran dalam keadaan di mana terdapat kehendak yang tinggi, keupayaan yang rendah dan halangan-halangan yang banyak. Bicangkan.

- oooOooo -